		(iii)	<p>Dua tindakan untuk memelihara fitrah kejadian insan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sentiasa menjaga sikap dan tingkah laku(1m) yang baik di mana sahaja kita berada.(1m) • Sentiasa berusaha untuk menjadikan keluarga yang bahagia(1m) untuk dicontohi oleh masyarakat.(1m) • Sentiasa mengambil berat dan membantu rakan-rakan(1m) supaya mereka sentiasa positif melakukan kebaikan.(1m) • Sentiasa melaksanakan amanah(1m) dengan penuh tanggungjawab (1m) 	2 isi x 2m =4 markah
	(b)		<p>Maksud Syurga:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Suatu tempat yang dipenuhi kenikmatan disediakan untuk orang beriman dan beramal soleh. <p>Maksud Neraka :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tempat balasan seksa yang disediakan oleh Allah SWT kepada orang engkar terhadap perintah-Nya. 	2 isi x 2m =4 markah
	(c)		<p>Hujah saya ialah :</p> <p>Saya sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut yang mana peribadi yang baik akan terbentuk melalui keyakinan terhadap hari akhirat (F1/1M) kerana ia mengetahui bahawa akhirat adalah hari pembalasan terhadap amalan baik dan buruk manusia.(H1/1M) Hal yang demikian murid yang menyakini kewujudan hari akhirat akan meninggalkan amalan jahat.(H2/1M) dan melakukan amalan baik untuk mendapat balasan syurga (H3/1M).Kesannya semakin banyak amal kebaikan,yang dilakukan maka semakin tinggi akhlak seseorang. (H4/1M) Kesimpulannya,kita hendaklah menunjukkan akhlak yang baik agar dapat dicontohi dan mendapat kesejahteraan di akhirat nanti. (K/1M)</p>	F = 1m H1 = 1m H2 = 1m H3 = 1m H4 = 1m K = 1m J = 6m

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
3	(a)	(i)	<p>Maksud manusia sebagai hamba Allah SWT ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> Manusia wajib mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan menjauhi larangan-Nya. 	2 markah
		(ii)	<p>Dua tujuan Allah SWT mencipta manusia di muka bumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengabdikan diri kepada Allah SWT(1m) dengan sebenar-benar ketaatan(1m) Memakmurkan bumi Allah SWT(1m) berdasarkan syariat Allah SWT(1m) 	2 isi x 2m =4 markah
		(iii)	<p>Dua tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT kepada Allah SWT:</p> <ul style="list-style-type: none"> Menyembah Allah SWT Yang Maha Esa(1m) tanpa mensyirikkan-Nya(1m) Mematuhi segala perintah Allah SWT (1m) serta menjauhi larangan-Nya.(1m) Bersyukur atas nikmat Allah SWT(1m) dengan cara berzikir kepada-Nya.(1m) Berselawat dan meneladani sunnah Rasulullah SAW(1m) dalam kehidupan sehari-hari.(1m) 	2 isi x 2m =4 markah
	(b)	(i)	<p>Faktor berlaku kes perceraian:</p> <ul style="list-style-type: none"> Terlalu mengikut hawa nafsu Pasangan tidak melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Pasangan cetek ilmu agama Pasangan cetek ilmu dalam menguruskan rumah tangga Campurtangan daripada orang tua <p>*Mana-mana jawapan munasabah diterima</p>	1 isi x 1m =1 markah
		(ii)	<p>Pada pendapat saya konsep hamba dan khalifah Allah SWT perlu dihayati dengan sebenar-benarnya (F1/1M) agar perkahwinan yang dibina berada di landasan yang benar iaitu untuk melahirkan perasaan kasih sayang antara suami dan isteri (H1/1M). Hal yang demikian, akan dapat mewujudkan keluarga yang taat kepada perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya. (H2/1M) Kesannya, terhasillah “Rumahku Syurgaku” (H3/1M) Kesimpulannya, kita hendaklah mentaati segala perintah Allah SWT sebagaimana kita dijadikan oleh-Nya adalah sebagai hamba Allah SWT. (K/1M)</p>	F = 1m H1 = 1m H2 = 1m H3 = 1m K = 1m J = 5m
	(c)		<p>Dua akibat pengabaian tanggungjawab oleh manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT :</p> <ul style="list-style-type: none"> Berlaku keruntuhan akhlak dan jenayah berleluasa (1m) akibat melanggar hukum Allah SWT. (1m) Masyarakat akan kekurangan ilmu dan jahil (1m) kerana sikap mengambil remeh kepentingan belajar (1m) Hilang kepercayaan kepada pemimpin(1m) sehingga berlaku huru hara. (1m) Negara akan mundur/ Ekonomi tidak membangun (1m) kerana sikap jahil masyarakat(1m) Berlaku perpecahan dan diskriminasi dalam masyarakat (1m) kerana sikap mementingkan diri (1m) 	2 isi x 2m =4 markah

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
4	(a)	(i)	<p>Maksud perundangan Islam:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT kepada manusia dalam pelbagai aspek kehidupan/ sama ada yang berkaitan dengan akidah, ibadat, akhlak, muamalat, munakahat dan jenayah demi kebahagiaan di dunia dan di akhirat. 	2 markah
		(ii)	<p>Dua asas perundangan Islam:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pencegahan • Pembalasan • Pemulihan 	2 isi x 1m =2 markah
		(iii)	<p>Tiga keunggulan sistem Perundangan Islam :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ciptaan Allah SWT(1m) yang bersih daripada sebarang kelemahan, kekurangan dan dorongan hawa nafsu. (1m) • Lengkap(1m) merangkumi semua aspek kehidupan manusia. (1m) • Hukuman yang adil(1m) tanpa mengira pangkat dan keturunan. (1m) • Sesuai untuk semua manusia (1m) tanpa mengira kaum,tempat dan zaman. (1m) • Bersifat tetap dan kekal (1m) sehingga hari kiamat tanpa berlaku perubahan. (1m) • Hukuman bersifat memberi pengajaran(1m) supaya penjenayah tidak mengulangi kesalahan yang sama. (1m) • Mendidik jiwa manusia((1m) 1m) supaya takut akan pembalasan Allah SWT. 	3 isi x 2m =6 markah
	(b)		<p>Dua cara Islam memelihara agama:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyuruh umatnya patuh kepada perintah Allah SWT(1m) supaya hidup diberkati.(1m) • Menyuruh umatnya menjauhi larangan Allah SWT(1m) untuk mengelakkan dosa.(1m) • Melarang perbuatan syirik(1m) supaya akodah terpelihara.(1m) • Mensyariatkan hukuman yang tegas kepada orang murtad(1m) supaya agama tidak tercemar.(1m) 	2 isi x 2m =4 markah
	(c)	(i)	<p>Dua contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memberi rasuah dan menerima rasuah 	2 isi x 1m =2 markah
		(ii)	<p>Pada pandangan saya, berlakunya kes di atas adalah kerana sifat manusia yang tamak haloba kepada harta (F/1M) walaupun ia dilarang oleh Allah SWT. (H1/ 1M) Mereka hanya memikirkan kesenangan yang sementara dan cepat tanpa memikirkan kesan yang sebaliknya di sisi undang-undang. (H2/1M) Kesimpulannya, kita hendaklah mencari rezeki yang halal agar kehidupan lebih diberkati oleh Allah SWT. (K/1M)</p> <p>*Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</p>	F = 1m H1 = 1m H2 = 1m K = 1m J = 4m

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

BAHAGIAN A

NO	JAWAPAN	NO	JAWAPAN
1	ADAB	11	NYAWA / KETURUNAN / HARTA
2	AL-IJMAK	12	NYAWA / KETURUNAN / HARTA
3	AL-HADIS/AL-SUNNAH	13	NYAWA / KETURUNAN / HARTA
4	KELUARGA	14	SAKSI / WALI / AKAD
5	SUAMI	15	SAKSI / WALI / AKAD
6	PENGAJARAN	16	SAKSI / WALI / AKAD
7	SOLAT BERJEMAAH	17	X
8	SYIRIK	18	✓
9	SUAMI DAN ISTERI	19	X
10	ANAK	20	✓

BAHAGIAN B

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
1	(a)	(i)	Sistem Sosial Islam bermaksud sistem yang mengawal dan memberi panduan berkaitan cara manusia berhubung antara satu sama lain.	2 markah
		(ii)	Empat sumber utama Sistem Sosial Islam ialah: <ul style="list-style-type: none"> • Al-Quran • Al-Sunnah • Al-Ijma' • Al-Qias 	2 isi x 2m =4 markah
		(iii)	Kepentingan Sistem Sosial Islam terhadap ekonomi Islam ialah: <ul style="list-style-type: none"> • Dapat menegakkan keadilan ekonomi dalam masyarakat(1m) berdasarkan sistem jual beli dan mengharamkan riba.(1m) • Memberi kebebasan kepada semua pihak (1m) untuk berusaha mencari harta dan memiliki kekayaan secara halal.(1m) 	1 isi x 2m =2 markah
	(b)		Pengertian bagi istilah:	
		(i)	Adab ialah tingkah laku sopan, berbudi bahasa, pekerti yang halus dan mulia.	1 isi x 2m =2 markah
		(ii)	Etika ialah prinsip moral atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu tau sesuatu kumpulan manusia.	1 isi x 2m =2 markah
		(iii)	Dua adab dan etika berdasarkan Sistem Sosial Islam ialah: <ul style="list-style-type: none"> • Berpandukan al-Quran dan al-Sunnah • Perhubungan atas dasar Iman dan takwa kepada Allah SWT. • Mengutamakan kepentingan umum berbanding kepentingan individu. • Mengamalkan akhlak mulia pada setiap masa. • Menghormati kepelbagaiannya budaya dan adat resam. 	2 isi x 1m =2 markah
	(c)		Dapat mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat (F/1M). Ini kerana wujudnya semangat tolong-menolong dan bekerjasama antara satu sama lain (H1/1M). Kesannya, masyarakat akan disanjung tinggi (H2/1M) sehingga membawa mesyarakat hidup dalam keadaan harmoni (H3/1M). Ini kerana sikap saling bertanggungjawab yang disemai dalam masyarakat. (H4/1M) Oleh itu, amalan bersatu padu dan bekerjasama ini dapat menaikkan imej mulia umat Islam di mata masyarakat yang bukan Islam. (K/1M).	F=1m H1= 1m H2= 1m H3= 1m H4= 1m K = 1m J = 6m

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
2	(a)	(i)	<p>Pengertian konsep kekeluargaan Islam ialah satu unit sosial yang dihubungkan melalui pertalian darah, perkahwinan atau pengambilan anak angkat.</p>	2 isi x 1m =2 markah
		(ii)	<p>Dua ciri kekeluargaan Islam ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dibina berdasarkan ketaatan kepada Allah SWT. • Sentiasa mengamalkan akhlak mulia dan contoh teladan yang baik. • Melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing. • Sentiasa berkomunikasi secara positif. 	2 isi x 1m =2 markah
	(b)	(i)	<p>Dua peranan anak dalam sesebuah keluarga ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mematuhi ajaran agama Islam. • Menjauhi perbuatan mungkar. • Mematuhi nasihat daripada ibu bapa. • Patuh dan taat kepada kedua ibu bapa • Berkomunikasi dengan sopan. • Menjaga maruah diri dan maruah ibu bapa serta keluarga. 	2 isi x 1m =2 markah
		(ii)	<p>Dua kepentingan pembinaan keluarga dalam Islam ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memenuhi naluri semula jadi manusia(1m) untuk hidup berpasangan dengan ikatan perkahwinan yang sah.(1m) • Memelihara diri daripada maksiat (1m) agar maruah diri terpelihara.(1m) • Menjalinkan cinta dan kasih sayang (1m) dengan berlandaskan syariat Islam.(1m) • Mengamalkan sunnah Rasulullah SAW(1m) seperti bersikap pemurah dengan ahli keluarga.(1m) 	2 isi x 2m =4 markah
			<p>Dua cara untuk merealisasikan pembinaan keluarga Islam yang harmoni ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dengan mengamalkan solat berjemaah(1m) supaya dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan dan hubungan dengan Allah SWT.(1m) • Beriadah dan berekreasi bersama keluarga (1m) agar dapat meluangkan masa yang berkualiti bersama-sama.(1m) <p>Jawapan lain:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Makan bersama • Meraikan kejayaan ahli keluarga 	2 isi x 2m =4 markah
	(c)		<p>Kes penceraian ini berlaku adalah kebiasaannya berpunca daripada pasangan yang tidak menunaikan hak kepada pasangan masing-masing. (F/1M) Sebagai contoh suami seringkali mengabaikan tanggungjawabnya terhadap isteri (H1/1M) terutamanya pengabaian dari segi memberi nafkah zahir mahupun batin (H2/1M). ini menyebabkan pasangan terabai dan berasa tidak disayangi. (H3/1M) Kesannya, konsep kekeluargaan Islam tidak dapat dibina berdasarkan ketaatan kepada Allah. (H4/1M) Oleh itu, hubungan kekeluargaan perlu diambil berat oleh setiap ahli keluarga bagi mewujudkan keluarga yang bahagia di dunia dan di akhirat. (K/1M)</p>	F = 1m H1 = 1m H2 = 1m H3 = 1m H4 = 1m K = 1m J = 6m

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
3	(a)		Maksud bagi istilah:	
		(i)	Pentadbiran ialah menyelaraskan tenaga manusia agar mengikut satu perancangan untuk mencapai sesuatu objektif yang ditetapkan.	2 markah
		(ii)	Pengurusan ialah mengguna serta menyelenggara sumber manusia dan sumber alam untuk kebajikan manusia.	2 markah
		(iii)	Empat prinsip tadbir urus dalam Islam ialah: <ul style="list-style-type: none"> • Bersumberkan Al-Quran dan Al- Hadis • Bermatlamatkan dunia dan akhirat • Pentadbiran sebagai pemegang amanah • Berasaskan keimanan kepada Allah SWT • Urusan pentadbiran dijalankan berdasarkan konsep syura • Mengamalkan konsep keadilan dalam pentadbiran 	4 isi x 1m =4 markah
	(b)	(i)	Syura bermaksud mesyuarat yang dijalankan bagi melakukan pertimbangan secara kolektif dan membuat keputusan yang paling berkualiti berdasarkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.	2 markah
		(ii)	Dua implikasi sekiranya sebuah organisasi menjalankan pentadbiran dan pengurusan yang tidak mengikut syariat Islam ialah: <ul style="list-style-type: none"> • Mengabaikan amanah yang diberikan(1m) dengan cara lalai menegur pekerja yang sering melakukan kemungkaran di tempat kerja. (1m) • Hilang sokongan daripada orang bawahan(1m) kerana mengabaikan kebajikan pekerja. (1m) 	2 isi x 2m =4 markah
	(b)	(i)	Jawapan: Ya / Wajar / Setuju	1 isi x 1m =1 markah
		(ii)	Encik Osman boleh memberikan penghargaan dengan cara memberikan imbuhan kepada pekerja tersebut (F/1M). Sebagai contoh memberikan saguhati menunaikan umrah (H1/1M). kesannya, pekerja tersebut berasa dihargai dan sangat berbesar hati (H2/1M). Ini akan membuatkan rakan-rakan sekerja yang lain turut berasa bersemangat untuk bekerja dengan lebih bersungguh-sungguh demi mencapai kecemerlangan (H3/1M). Oleh itu, kita hendaklah sentiasa menjalankan amanah dalam pekerjaan dengan sebaiknya agar dipandang mulia oleh Allah (K/1M).	F = 1m H1 = 1m H2 = 1m H3 = 1m K = 1m J = 5m

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
4	(a)	(i)	Definisi Hak Asasi Manusia ialah hak- hak asas yang diperlukan oleh setiap manusia untuk menjalani kehidupan dengan sejahtera.	2 markah
		(ii)	Dua contoh hak asasi manusia ialah: <ul style="list-style-type: none"> • Kebebasan beragama • Kebebasan bersuara • Perlindungan nyawa • Pemilikan harta • Kehormatan diri • Keamanan dan keselamatan 	2 isi x 1m =2 markah
	(b)		Dua matlamat Institusi kekeluargaan Islam ialah: <ul style="list-style-type: none"> • Melahirkan generasi yang bertakwa kepada Allah(1m) agar dapat menjadi benteng daripada kejahanatan.(1m) • Membentuk kesempurnaan akhlak mulia (1m) dalam diri muslim sejati. (1m) • Memastikan kelangsungan zuriat manusia (1m) melalui ikatan yang sah.(1m) • Dapat melaksanakan ajaran Islam(1m) dalam semua aspek kehidupan.(1m) 	2 isi x 2m =4 markah
	(b)		Integriti bermaksud bersikap telus dalam melaksanakan tadbir urus sesebuah masyarakat dan negara.	2 markah
			Dua kepentingan sistem pentadbiran dan pengurusan Islam terhadap negara ialah: <ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan pentadbiran negara yang efisien dan efektif (1m) agar menjadi contoh kepada negara lain.(1m) • Membolehkan segala urusan dilaksanakan secara teratur (1m) disebabkan pelaksanaannya menepati syarak. (1m) • Meneladani tadbir urus negara yang terbaik (1m) seperti yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW. (1m) 	2 isi x 2m =4 markah
		(ii)	Apabila permasalahan ini terus berluasa dan tidak dibendung, ini akan menyebabkan berlakunya kemunduran organisasi dalam negara (F/1M). Hal ini akan wujudnya sikap tidak bertanggungjawab dan amanah dalam melaksanakan tadbir urus sesebuah organisasi. (H1/1M) Kesannya penyelewengan dalam urusan pentadbiran semakin menjadi-jadi (H2/1M) mengakibatkan imej pentadbiran berteraskan Islam dipandang buruk oleh masyarakat luar. (H3/1M) Ini akan menjatuhkan imej negara Islam. (H4/1M) Oleh itu, kita perlulah meneladani tadbir urus negara seperti dilaksanakan oleh Rasulullah SAW agar mendapat keredhaan Allah SWT. (K/1M)	F = 1m H1 = 1m H2 = 1m H3 = 1m H4 = 1m K = 1m J = 6m

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

BAHAGIAN A

NO	JAWAPAN	NO	JAWAPAN
1	MAHMUDAH	11	AL-MUDARABAH
2	MURUNAH	12	RABBANIYYAH / ALAMIYYAH/THABAT
3	GHARAR	13	RABBANIYYAH / ALAMIYYAH/THABAT
4	AL-IJARAH	14	RABBANIYYAH / ALAMIYYAH/THABAT
5	ALAMIYYAH	15	BERMATLAMAT MENCARI KEREDAAN ALLAH SWT
6	POTENSI	16	MENGINDAHKAN PEKERTI MELALUI KELAKUAN LAHIRIAH
7	ADIL	17	✓
8	AL-MURABAHAH	18	X
9	AL-WADIAH	19	✓
10	AL-BAI BITHAMAN AJIL	20	X

BAHAGIAN B

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
1	(a)	(i)	<p>Maksud akhlak ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> Sifat yang tertanam dalam jiwa yang mendorong sesuatu perbuatan dan perlakuan (1m) tanpa memerlukan pertimbangan yang mendalam.(1m) 	2 markah
		(ii)	<p>Dua ciri akhlak menurut Islam ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> Bersumberkan al- Quran dan al- Sunnah. Berlandaskan fitrah kejadian manusia. Meliputi semua aspek kehidupan. Tetap/ Tidak Berubah sepanjang zaman. 	2 isi x 1m =2 markah
	(b)		<p>Gaya hidup songsang di atas tidak boleh diterima di negara ini kerana bertentangan dengan syariat Islam (F/1M) yang menjadi agama rasmi negara. (H1/1M) Kesannya pelaku akan dipandang serong oleh masyarakat (H2/ 1M) sehingga boleh membawa kekecohan dalam masyarakat. (H3/ 1M) Ini disebabkan gaya hidup tersebut tidak menepati nilai- nilai murni dalam masyarakat. (H4/1M) Oleh itu kita hendaklah menjadi masyarakat yang tidak menormalisasikan unsur- unsur maksiat agar keburukan tidak berkembang dalam masyarakat. (K/1M)</p> <p>Jawapan lain:</p> <ul style="list-style-type: none"> Membawa kepada penyakit Menjatuhkan imej negara Membawa kekacauan kepada negara 	F=1m H1= 1m H2= 1m H3= 1m H4= 1m K = 1m J = 6m
	(c)	(i)	<p>Maksud muamalat ialah:</p> <p>Hubungan antara manusia dengan manusia lain dalam segenap segi kehidupan (1m) yang merangkumi kekeluargaan, ekonomi, politik, pemerintahan, jenayah dan sebagainya. (1m)</p>	2 markah
		(ii)	<p>Dua jenis muamalat yang berbentuk kontrak jual beli ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> Al Murabahah Al Bai' Bithaman Ajil 	2 isi x 1m =2 markah
		(iii)	<p>Tiga langkah untuk menggalakkan masyarakat bermuamalat dengan muamalat Islam ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> Memberi didikan agama (1m) khususnya berkaitan ekonomi dan kewangan Islam dalam sistem pendidikan negara. (1m) Memberikan penerangan melalui media massa (1m) supaya masyarakat tahu kebaikan bermuamalat dengan muamalat Islam.(1m) Mengembangkan kemudahan perbankan (1m) secara menyeluruh. (1m) Mengemaskinikan sistem muamalat Islam (1m) supaya boleh menarik minat masyarakat untuk memilih perbankan Islam. (1m) 	3 isi x 2m =6 markah

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
2	(a)	(i)	<p>Dua jenis akhlak beserta contoh ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Akhlaq Mahmudah : • Contoh : Sabar, Pembersih, Lemah Lembut, Pemaaf dan lain- lain yang sesuai. <p>• Akhlak Mazmumah :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Contoh: Pemarah, Pengotor, Pendendam, Biadap dan lain- lain yang sesuai. 	2 isi x 2m =4 markah
		(ii)	<p>Dua cara mempuak akhlak mulia ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mentaati perintah Allah SWT dan Rasul-nya(1m) agar hidup sentiasa diberkati oleh-Nya.(1m) • Mencontohi dan meneladani Rasulullah SAW(1m) agar turut berpekerti mulia.(1m) • Sentiasa berdoa(1m) agar dikuniakan akhlak terpuji.(1m) • Mujahadah dalam memperbaiki diri (1m) agar menjadi mukmin bertakwa. (1m) • Sentiasa bermuhasabah diri (1m) agar mempunyai kekuatan jati diri. (1m) • Bersabar (1m) dalam usaha memiliki akhlak mulia.(1m) • Istiqamah dalam melaksanakan kebaikan (1m) agar hidup sentiasa cemerlang.(1m) 	2 isi x 2m =4 markah
		(iii)	<p>Kepentingan akhlak yang menurut acuan Islam kepada keluarga ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membentuk sebuah keluarga bahagia(1m) kerana semua ahli keluarga berpegang teguh dengan syariat Allah SWT. (1m) • Mewujudkan sikap saling bertolak ansur/ bantu membantu (1m) seperti membantu dalam menyediakan keperluan rumah tangga. (1m) 	1 isi x 2m =2 markah
	(b)	(i)	<p>Maksud muamalat dalam sistem kewangan Islam ialah tatacara urusan harian sesama manusia (1m) dalam memenuhi keperluan masing- masing melibatkan transaksi kewangan berlandaskan syariat Islam. (1m)</p>	2 markah
		(ii)	<p>Matlamat muamalat Islam ialah: Mengawal manusia dalam menguruskan sistem ekonomi dan kewangan mereka (1m) agar lahir masyarakat yang bersatu padu, harmoni, saling menghormati dan aman. (1m)</p>	1 isi x 2m =2 markah
	(c)	(i)	<p>Dua jenis muamalat Islam yang boleh dipilih oleh pengguna bagi mengelakkan terjebak dengan situasi di atas ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Al Wadiah • Al Mudharabah 	2 isi x 1m =2 markah
		(ii)	<p>Terdapat segelintir masyarakat yang tetap tertarik dengan skim di atas berbanding jenis muamalat yang ditawarkan oleh perbankan Islam disebabkan oleh sikap tamak dengan pulangan yang dijanjikan (F/1m) sehingga tidak dapat berfikir dengan waras (H1/1M). Contohnya mereka ditawarkan pulangan yang berganda daripada wang yang mereka laburkan. (H2/1M) Oleh itu kita hendaklah sentiasa berfikir dengan bijak sebelum membuat sebarang Keputusan agar tidak mudah ditipu oleh orang lain. (K/1M)</p>	F=1m H1= 1m H2= 1m K = 1m J = 4m

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
3	(a)	(i)	Maksud rabbaniyyah ialah segala hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang terkandung dalam Islam(1m) adalah bersumberkan wahyu Allah SWT.(1m)	2 markah
		(ii)	Dua ciri prinsip Rabbaniyyah ialah: <ul style="list-style-type: none"> • Islam ialah agama yang diwahyukan oleh Allah SWT(1m) iaitu bersifat mutlak kebenarannya.(1m) • Islam dan seluruh makhluk merupakan hak milik Allah SWT(1m) manakala manusia hanyalah hamba-Nya. • Islam ialah satu pegangan yang jitu dan bersih daripada kekurangan, kejahanan dan dorongan hawa nafsu(1m) sehingga membawa kebaikan kepada seluruh makhluk. (1m) • Allah SWT sebagai pemberi peraturan hidup (1m) yang mesti dipatuhi oleh semua makhluk-Nya(1m) 	2 isi x 2m =4 markah
		(iii)	Dua keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam ialah: <ul style="list-style-type: none"> • Sesuai dengan fitrah dan akal manusia(1m) yang mampu dilaksanakan oleh semua manusia. (1m) • Bersifat jelas dan praktikal (1m) kerana tidak membebankan manusia. (1m) • Sesuai dengan peranan sebagai khalifah (1m) yang bertujuan memakmurkan alam (1m) • Seimbang(1m) dalam hubungan dengan Allah SWT, manusia dan alam sekitar.(1m) • Mementingkan budaya ilmu (1m) sehingga mampu membina kemajuan.(1m) • Rahmat bagi sekalian alam (1m) kerana mementingkan nilai kasih sayang dan persaudaraan.(1m) 	2 isi x 2m =4 markah
	(b)	(i)	Dua jenis muamalah yang membantu orang yang memerlukan pembentangan tunai segera atau perkhidmatan ialah: <ul style="list-style-type: none"> • Ar- Rahn • Al- Ijarah 	2 isi x 1m =2 markah
		(ii)	Keburukan tidak bermuamalah dengan muamalah Islam kepada masyarakat. <ul style="list-style-type: none"> • Masyarakat berpecah belah(1m) kerana hilang semangat tolong menolong.(1m) • Masyarakat tidak aman(1m) kerana berlaku perrusuhan.(1m) • Berlaku penindasan dalam masyarakat(1m) seperti riba.(1m) • Masyarakat akan bersikap prejudis(1m) antara satu sama lain kerana hilang kepercayaan. (1m) 	1 isi x 2m =2 markah
	(c)	(i)	Hukum jual beli tersebut ialah haram	1 markah
		(ii)	Kelebihan jual beli menggunakan aplikasi di atas kepada peniaga ialah memudahkan peniaga melaksanakan perniagaan(F/1M) kerana tidak perlu memikirkan tentang tapak perniagaan(H/1M) seperti membayar sewa kedai. (H2/1M) Ini boleh menjimatkan kos perbelanjaan peniaga (H3/1M). Oleh itu kita hendaklah kreatif dalam urusniaga bagi menambahkan keuntungan dalam urusniaga.(K/1M)	F=1m H1= 1m H2= 1m H3=1M K = 1m J = 5m

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
4	(a)	(i)	Maksud Syumuliyyah ialah agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW lengkap dan sempurna kerana meliputi dunia dan akhirat.	2 markah
		(ii)	Dua prinsip Syumuliyyah ialah <ul style="list-style-type: none"> • Kesempurnaan hanya milik Allah SWT(1m) bukan makhluk. (1m) • Islam tidak terikat dengan masa, ruang dan tempat tertentu (1m) kerana ianya sesuai sepanjang zaman. (1m) • Manusia dibekalkan dengan akal dan syariat yang lengkap (1m) di mana ianya sesuai dengan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT.(1m) 	2 isi x 2m =4 markah
	(b)		Manfaat ibadah di atas mengikut prinsip Waqi'iyyah dalam Islam ialah membolehkan umat Islam mendapatkan daging yang bersih dan bebas daripada penyakit (F/ 1M) kerana penyembelihan tersebut membolehkan semua darah pada haiwan tersebut dapat dikeluarkan. (H1/ 1M) Kesannya daging tersebut lebih segar dan berkualiti. (H2/1M) Ini membolehkan umat Islam mendapatkan makanan yang berkhasiat (H3/1M) sehingga turut memberi kesan kepada kesihatan tubuh badan manusia. (H4/1M) Oleh itu kita hendaklah sentiasa yakin dengan syariat Allah SWT agar setiap tindakan membawa kebaikan. (K/1M)	F=1m H1= 1m H2= 1m H3=1M H4=1M K = 1m J = 6m
	(c)	(i)	Maksud institusi kewangan Islam ialah badan atau agensi milik kerajaan dan swasta (1m) yang mengutip sumber- sumber kewangan dan mengagihkannya mengikut muamalat Islam. (1m)	2 markah
		(ii)	Dua contoh institusi kewangan Islam ialah: <ul style="list-style-type: none"> • Perbankan Islam • Tabung Haji • Takaful • Zakat • Wakaf • Baitulmal 	2 isi x 1m =2 markah
		(iii)	Peranan perbankan Islam kepada perkembangan ekonomi umat Islam ialah: <ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan bank (1m) secara patuh syariat.(1m) • Mempromosikan produk- produk kewangan Islam (1m) agar semakin ramai yang menyedari kelebihan bermuamalat dengan perbankan Islam.(1m) 	1 isi x 2m =2 markah
		(iv)	Dua kepentingan pelaksanaan muamalat Islam kepada individu ialah: <ul style="list-style-type: none"> • Mendapat manfaat dari sudut ganjaran pahala(1m) kerana menuruti muamalat Islam yang berteraskan wahyu.(1m) • Memperoleh jaminan keadilan (1m) dalam sistem kewangan Islam.(1m) 	2 isi x 2m =4 markah

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

BAHAGIAN A

NO	JAWAPAN	NO	JAWAPAN
1	AKAL	11	DATANG DARIPADA ALLAH SWT
2	QAZAF	12	114
3	TAKZIR	13	6236
4	IJTIHAD	14	28
5	AKAL	15	BALIGH DAN BERAKAL/ ADIL
6	IBADAT	16	BALIGH DAN BERAKAL/ ADIL
7	TERTUDUH	17	✓
8	GHAIB	18	X
9	DITURUNKAN KEPADA PARA NABI DAN RASUL	19	✓
10	KESUCIAN TERPELHARA HINGGA HARI KIAMAT	20	X

BAHAGIAN B

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
1	(a)	(i)	Maksud wahyu ialah kalam Allah SWT yang disampaikan kepada para nabi dan rasul (1m) melalui perantaraan malaikat Jibrail a.s. atau terus daripada Allah SWT.(1m)	2 markah
		(ii)	Dua fungsi wahyu terhadap akidah; <ul style="list-style-type: none"> • Menjadi panduan dan pedoman (1m) bagi akidah yang sahih.(1m) • Membaiaki dan membetulkan akidah manusia (1m) daripada kesesatan. (1m) • Menerangkan dan menjelaskan perkara ghaib (1m) seperti syurga, neraka dan titian sirat. (1m) 	2 isi x 2m =4 markah
	(b)		Cadangan Jawapan: <ul style="list-style-type: none"> • Merosakkan kewarasan akal • Terjebak dengan perkara negatif • Mudah diserang penyakit. Contoh Jawapan: <p>Hujah saya ialah dadah menyebabkan seseorang itu hilang kewarasan akal (F/1M) seperti ketagihan atau khayal.(H1/ 1M) Ini akan menyebabkan dia tidak mampu bekerja dengan baik (H2/1M) sekaligus menjadikan negara kekurangan pekerja (H3/1M) yang akhirnya menyebabkan ekonomi negara merosot. (H4/1M) Oleh itu, kita hendaklah menjauhi semua perkara negatif agar dapat menjadi warga yang mampu menyumbang kepada negara. (K/1M)</p>	F=1m H1= 1m H2= 1m H3= 1m H4= 1m K = 1m J = 6m
	(c)	(i)	Empat bentuk hukuman bagi kesalahan takzir ; <ul style="list-style-type: none"> • Nasihat / teguran • Ancaman / pemulauan • Pengisyiharan umum • Denda / merampas harta • Sebat • Buang daerah • Penjara 	2 isi x 2m =4 markah
		(ii)	Dua kesan pengabaian sistem kehakiman Islam kepada masyarakat ; <ul style="list-style-type: none"> • Masyarakat hidup dalam ketakutan (1m) kerana keadilan tidak ditegakkan. (1m) • Masyarakat mengambil tindakan sendiri (1m) kerana tidak percaya dengan sistem keadilan. (1m) • Jenayah berleluasa dalam masyarakat (1m) kerana penjenayah tidak takut kepada undang-undang. (1m) <p>Mana-mana jawapan munasabah diterima</p>	2 isi x 2m =4 markah

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
2	(a)	(i)	<p>Dua ciri wahyu :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Datang daripada Allah SWT. • Diturunkan kepada nabi dan rasul sahaja. • Diturunkan melalui perantaraan malaikat Jibrail a.s. • Kesuciannya terpelihara hingga hari Kiamat. • Tidak diturunkan lagi selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW. 	2 isi x 1m =2 markah
		(ii)	<p>Dua fungsi wahyu dalam pembentukan akhlak manusia :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menjadi panduan dalam pembentukan akhlak (1m) iaitu akhlak mahmudah.(1m) • Menetapkan hukum-hukum praktis berkaitan akhlak (1m) untuk diamalkan dalam kehidupan.(1m) • Membimbing masyarakat untuk berinteraksi antara satu sama lain (1m) dengan baik. (1m) 	2 isi x 2m =4 markah
	(b)	(i)	<p>Dua punca berlakunya penyakit di atas :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan bahan terlarang. • Pengaruh rakan yang negatif • Mengambil makanan dan minuman yang memabukkan. • Memikirkan perkara di luar kemampuan akal. 	2 isi x 1m =2 markah
		(ii)	<p>Cadangan jawapan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak boleh berfikir dengan waras • Daya ingatan semakin lemah • Terpengaruh untuk melakukan maksiat • Jiwa resah • Sukar menerima ilmu <p>Contoh jawapan</p> <p>Perbuatan tersebut merosakkan akal dengan mendorong seseorang kepada maksiat (F/1M) seperti melakukan perzinaan (H1/1M) kerana terpengaruh dengan apa yang ditonton. (H2/1M) Ini akan menyebabkan akal tidak berfikir untuk perkara yang positif seperti meningkatkan kualiti kerja dan menjadi semakin lemah. (K/1M)</p>	F=1m H1= 1m H2= 1m K = 1m J = 4m
	(c)	(i)	<p>Maksud hudud ialah kesalahan dan hukuman mengikut ketetapan syarak (1m) yang wajib dilaksanakan sebagai menunaikan hak Allah SWT. (1m)</p>	2 isi x 2m =2 markah
		(ii)	<p>Dua jenis kesalahan jenayah yang dikaitkan dengan hukuman hudud :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Zina • Qazaf • Minum arak • Mencuri • Merompak • Murtad 	2 isi x 1m =2 markah
		(ii)	<p>Dua etika yang perlu dipatuhi oleh hakim dalam melaksanakan tugas di mahkamah :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hakim dilarang menyebelahi mana-mana pihak (1m) supaya wujud keadilan.(1m) • Hakim hendaklah jujur ketika bertugas (1m) supaya kewibawaannya dihormati.(1m) • Hakim dilarang menghakimi orang yang ada kepentingan dengannya (1m) supaya keputusan yang dibuat tepat.(1m) • Hakim dilarang untuk mensabitkan kesalahan terhadap tertuduh jika ada keraguan (1m) supaya tidak berlaku penganiayaan.(1m) 	F=1m H1= 1m H2= 1m K = 1m J = 4m

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
3	(a)	(i)	Akal ialah keupayaan berfikir yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia (1m) untuk membezakannya dengan haiwan.(1m)	2 markah
		(ii)	Dua ciri akal ialah : <ul style="list-style-type: none"> • Anugerah istimewa oleh Allah SWT kepada manusia (1m) untuk berfikir.(1m) • Akal membezakan manusia dengan haiwan (1m) kerana boleh membezakan perkara baik dan buruk.(1m) • Akal tidak mampu memikirkan perkara ghaib (1m) seperti syurga, neraka dan titian sirat. (1m) • Akal sentiasa berubah dan berkembang (1m) mengikut ilmu seseorang.(1m) 	2 isi x 2m =4 markah
	(b)	(i)	Dua matlamat sistem kehakiman Islam ; <ul style="list-style-type: none"> • Menegakkan keadilan (1m) tanpa mengira darjat, pangkat, keturunan dan agama.(1m) • Menentang kezaliman (1m) yang menggugat keamanan hidup masyarakat.(1m) • Membela orang yang dizalimi (1m) agar hak mereka dikembalikan.(1m) 	2 isi x 2m =4 markah
		(ii)	Empat ciri orang yang layak dilantik sebagai hakim ; <ul style="list-style-type: none"> • Islam dan beriman. • Baligh dan berakal. • Seorang yang adil. • Berilmu dan bijaksana. • Sempurna pancaindera 	4 isi x 1m =4 markah
			<p>Cadangan jawapan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Masyarakat huru hara. • Kehidupan tidak tenteram • Berlaku pergaduhan <p>Contoh jawapan</p> <p>Kehidupan tidak tenteram (F/1M) kerana banyak berlaku jenayah dan pergaduhan.(H1/1M) Hal ini kerana masyarakat mengambil tindakan sendiri (H2/1M) kerabu tiak percaya kepada sistem kehakiman negara.(H3/ 1M) Keadaan ini akal menimbulkan lebih banyak masalah dalam masyarakat.(H4/ 1M) Oleh itu, para hakim mestilah dilantik dikalangan mereka yang berkelayakan agar dapat melaksanakan tugas dengan adil. (K/ 1M)</p>	F=1m H1= 1m H2= 1m H3=1m H4=1m K = 1m J = 6m

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH															
4	(a)	(i)	<p>Dua fungsi akal kepada kehidupan manusia ialah ;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memahami hakikat kebesaran dan kekuasaan Allah SWT (1m) dengan baik.(1m) • Memahami dan memikirkan wahyu Allah SWT(1m) sebagai panduan hidup.(1m) • Memahami dan membuktikan kebenaran Islam(1m) sebagai cara hidup yang direhui Allah SWT.(1m) • Mempelajari cara-cara mendekatkan diri dan beribadat kepada Allah SWT(1m) dengan sempurna.(1m) • Membezakan antara hak dan batil(1m) dalam semua urusan kehidupan.(1m) • Memikirkan kejadian alam(1m) untuk mengenal pencipta yang sebenar.(1m) 	2 isi x 2m =4 markah															
		(ii)	<p>Dua perbezaan antara wahyu dan akal ;</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL</th><th>WAHYU</th><th>AKAL</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td><td>Kalam Allah SWT yang disampaikan kepada nabi dan rasul.</td><td>Keupayaan berfikir yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia.</td></tr> <tr> <td>2</td><td>Kebenaran wahyu adalah mutlak.</td><td>Kebenaran akal berubah mengikut keadaan dan persekitaran.</td></tr> <tr> <td>3</td><td>Terhenti penurunannya selepas kewafatan Rasulullah SAW.</td><td>Sentiasa dikurniakan kepada uma manusia.</td></tr> <tr> <td>4</td><td>Mampu menceritakan perkara ghaib.</td><td>Tidak mampu memikirkan perkara ghaib.</td></tr> </tbody> </table>	BIL	WAHYU	AKAL	1	Kalam Allah SWT yang disampaikan kepada nabi dan rasul.	Keupayaan berfikir yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia.	2	Kebenaran wahyu adalah mutlak.	Kebenaran akal berubah mengikut keadaan dan persekitaran.	3	Terhenti penurunannya selepas kewafatan Rasulullah SAW.	Sentiasa dikurniakan kepada uma manusia.	4	Mampu menceritakan perkara ghaib.	Tidak mampu memikirkan perkara ghaib.	2 isi x 2m =4 markah
BIL	WAHYU	AKAL																	
1	Kalam Allah SWT yang disampaikan kepada nabi dan rasul.	Keupayaan berfikir yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia.																	
2	Kebenaran wahyu adalah mutlak.	Kebenaran akal berubah mengikut keadaan dan persekitaran.																	
3	Terhenti penurunannya selepas kewafatan Rasulullah SAW.	Sentiasa dikurniakan kepada uma manusia.																	
4	Mampu menceritakan perkara ghaib.	Tidak mampu memikirkan perkara ghaib.																	
	(b)		<p>Hukuman mengikut Islam bagi kesalahan berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Minum arak – Disebat 40 kali • Qazaf - Disebat 80 kali 	2 isi x 1m =2 markah															
	(c)	(i)	<p>Dua prosedur keterangan semasa perbicaraan untuk mensabitkan kesalahan ialah;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengakuan yang jelas (1m) daripada orang yang telah melakukan kesalahan.(1m) • Mempunyai saksi yang cukup syarat(1m) seperti baligh, sempurna akal dan sebagainya.(1m) • Mempunyai bahan-bahan bukti yang berkaitan dengan kes (1m) seperti senjata, kesan jari dan sebagainya.(1m) 	2 isi x 2m =4 markah															
		(ii)	<p>Cadangan jawapan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak boleh berfikir dengan waras • Jiwa resah • Daya ingatan semakin lemah • Terpengaruh untuk melakukan maksiat • Sukar menerima ilmu 	F=1m H1= 1m H2= 1m H3=1M H4=1M K = 1m J = 6m															

NO SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
	<p>Contoh jawapan</p> <p>Saya setuju dengan pandangan tersebut (F/1M) kerana ia dapat mengelakkan hakim daripada berlaku tidak adil (H1/1M) pengaruh hubungan baik dengan tertuduh. (H2/ 1M) Etika ini akan menjadikan sistem kehakiman lebih dipercayai (H3/1M) kerana hukuman yang dijatuhkan adil kepada semua. (H4/ 1M) Kesimpulannya, keadilan akan dapat dicapai jika hakim menjalankan tugas dengan amanah dan beretika. (K/ 1M)</p>	

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

BAHAGIAN A

NO	JAWAPAN	NO	JAWAPAN
1	HIBURAN	11	AMANAH/DINAMIK/BERWAWASAN/ IKHLAS/POSITIF/INTEGRITI
2	KESENIAN	12	AMANAH/DINAMIK/BERWAWASAN/ IKHLAS/POSITIF/INTEGRITI
3	PENTADBIRAN	13	KHILAFAH
4	SISTEM PEMERINTAHAN ISLAM	14	KHALIFAH
5	AKHLAK	15	RAKYAT
6	PERLEMBAGAAN	16	/
7	SYURA	17	X
8	KEBAJIKAN	18	X
9	AMANAH/DINAMIK/BERWAWASAN/ IKHLAS/POSITIF/INTEGRITI	19	/
10	AMANAH/DINAMIK/BERWAWASAN/ IKHLAS/POSITIF/INTEGRITI	20	X

BAHAGIAN B

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
1	(a)	(i)	<p>Pengertian hiburan menurut Islam ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> Hiburan menurut Islam ialah merujuk kepada perkara yang dapat menghiburkan dan menggembirakan hati seseorang yang selari dengan kehendak syarak. 	2 markah
		(ii)	<p>Dua konsep hiburan menurut Islam:</p> <ul style="list-style-type: none"> Bertujuan mengagungkan Allah SWT dan mendidik jiwa. Berhibur selari dengan kehendak syarak Meliputi aspek iman dan akhlak. Hiburan sebagai memenuhi tuntutan fitrah manusia. Membangunkan potensi umat Islam dalam seni hiburan. 	2 isi x 1m =2 markah
	(b)	(i)	<p>Dua etika dalam berhibur.</p> <ul style="list-style-type: none"> Hiburan yang boleh meningkatkan keimanan. Hiburan yang tidak bercanggah dengan syarak. Hiburan yang berteraskan nilai akhlak Islam. Sentiasa memelihara wajib ketika berhibur. Menghasilkan kayra hiburan yang asli. Berhibur secara sederhana dan tidak melampaui batas. Tiada unsur yang merosakkan akidah dan maksiat. Tidak mengganggu atau menzalimi orang lain. 	2 isi x 1m =2 markah
		(ii)	<p>Dua kepentingan etika berhibur dalam Islam.</p> <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Mengetahui Batasan manusia dalam berhibur. Menjaga jiwa dan maruah diri. Menghasilkan hiburan yang selari dengan nilai akhlak Islam. 	2 isi x 2m =4 markah
	(c)	(i)	<p>Hukum asal hiburan di dalam Islam.</p> <ul style="list-style-type: none"> Harus/Tidak dilarang 	1 isi x 1m =1 markah
		(ii)	<p>Kesan hiburan di atas terhadap remaja ialah Remaja akan lalai dari tanggungjawab(F/1M) sebagai seorang murid/anak (H1/ 1M) kerana leka berseronok (H2/1M) seperti tidak mengulangkaji pelajaran (H3/1M) menyebabkan mereka ketinggalan dalam pelajaran (H4/1M). Keadaan ini akan memberi kesan negatif kepada perkembangan jiwa dan masa depannya sekiranya tidak dibendung. (K/1M)</p>	F=1m H1=1m H2=1m H3=1M K = 1m J = 5m
		(ii)	<p>Empat contoh hiburan yang diharuskan dalam Islam ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> Mendengar muzik Islamik Menonton filem/drama Islamik Permainan senjata Nyanyian/ nasyid/ alunan zikir Sukan Menonton tv / mendengar radio Membaca novel / majalah <p>(jawapan lain yang munasabah diterima)</p>	4 isi x 1m =4 markah

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH						
2	(a)	(i)	<p>Empat jenis kesenian dalam Islam ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Seni suara. • Seni sastera • Seni bina. • Seni mempertahankan diri. • Kaligrafi 	4 isi x 1m =4 markah						
		(ii)	<p>Empat contoh kesenian dalam Islam ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Marhaban • Nasyid • Qasidah • Tilawah 	4 isi x 1m =4 markah						
	(b)	(i)	<p>Dua konsep kesenian Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengagungkan Allah SWT. • Berteraskan syariat Islam. • Meliputi aspek iman dan akhlak. • Bersifat menyeluruh meliputi fizikal dan kerohanian. • Membangun potensi numat Islam. 	2 isi x 1m =2 markah						
		(ii)	<p>Perbezaan di antara kesenian Islam dengan bukan Islam</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kesenian Islam</th> <th>Kesenian Bukan Islam</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td> <ul style="list-style-type: none"> • Membangunkan potensi umat Islam </td> <td> <ul style="list-style-type: none"> • Untuk kepuasan diri </td> </tr> <tr> <td> <ul style="list-style-type: none"> • Berteraskan syariat Islam </td> <td> <ul style="list-style-type: none"> • Berteraskan naluri sendiri </td> </tr> </tbody> </table>	Kesenian Islam	Kesenian Bukan Islam	<ul style="list-style-type: none"> • Membangunkan potensi umat Islam 	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk kepuasan diri 	<ul style="list-style-type: none"> • Berteraskan syariat Islam 	<ul style="list-style-type: none"> • Berteraskan naluri sendiri 	2 isi x 2m 4 markah
Kesenian Islam	Kesenian Bukan Islam									
<ul style="list-style-type: none"> • Membangunkan potensi umat Islam 	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk kepuasan diri 									
<ul style="list-style-type: none"> • Berteraskan syariat Islam 	<ul style="list-style-type: none"> • Berteraskan naluri sendiri 									
	(c)		<p>Pandangan Islam tentang kesenian berdasarkan gambar di atas adalah halal kerana ianya suatu cabang kebudayaan (F/1M) malahan digalakkan oleh Al-Quran dan Hadis (H1/1M) dalam perkara-perkara tertentu seperti seni khat dan kaligrafi (H2/1M). Kesannya akan berhasil penciptaan bentuk-bentuk yang menyenangkan (H3/1M) sehingga menimbulkan rasa ketenangan kepada manusia yang melihatnya. (H4/1M) Kesimpulannya, kesenian dalam Islam itu halal selagi tidak bercanggah dengan ketatapan yang telah digariskan oleh syarak. (K/1M)</p>	F=1m H1= 1m H2= 1m H3=1m H4=1m K = 1m J = 6m						

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH										
3	(a)	(i)	<p>Maksudkan Sistem Pemerintahan Islam ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kaedah pemerintahan sesebuah negara yang ditadbir berdasarkan ajaran agama Islam (1m) serta melaksanakan syariat Islam (1m) 	2 isi x 1m =4 markah										
		(ii)	<p>Empat ciri sistem pemerintahan Islam ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Allah SWT sebagai pemegang kuasa • Umat Islam sebagai khalifah • Mengamalkan syura • Segala perkara diputuskan dan dilaksanakan dalam pemerintahan bersesuaian dengan kehendak rakyat serta bertepatan dengan kehendak syarak. • Melaksanakan amar makruf nahi mungkar • Rakyat terdiri daripada golongan yang meyakini prinsip dan dasar negara Islam serta mematuhi undang-undang yang ditetapkan • Bebas daripada ikatan keturunan, warna kulit, geografi dan sebagainya. • Negara Islam mengutamakan penghayatan akhlak mulia dalam semua aspek kehidupan. • 	4 isi x 1m =4 markah										
		(iii)	<p>Empat aspek yang terkandung dalam Piagam Madinah ialah:</p> <table> <tbody> <tr> <td>• Kepimpinan negara.</td> <td>• Kebebasan mengamalkan agama.</td> </tr> <tr> <td>• Perpaduan.</td> <td>• Penguatkuasaan undang-undang.</td> </tr> <tr> <td>• Pengiktirafan kepelbagaiannya kaum.</td> <td>• Hak asasi manusia.</td> </tr> <tr> <td>• Keselamatan.</td> <td>• Tanggungjawab</td> </tr> <tr> <td>• Jaminan sosial.</td> <td>• Hubungan luar</td> </tr> </tbody> </table>	• Kepimpinan negara.	• Kebebasan mengamalkan agama.	• Perpaduan.	• Penguatkuasaan undang-undang.	• Pengiktirafan kepelbagaiannya kaum.	• Hak asasi manusia.	• Keselamatan.	• Tanggungjawab	• Jaminan sosial.	• Hubungan luar	4 isi x 1m =4 markah
• Kepimpinan negara.	• Kebebasan mengamalkan agama.													
• Perpaduan.	• Penguatkuasaan undang-undang.													
• Pengiktirafan kepelbagaiannya kaum.	• Hak asasi manusia.													
• Keselamatan.	• Tanggungjawab													
• Jaminan sosial.	• Hubungan luar													
	(b)		<p>Sekiranya pemimpin mengabaikan tanggungjawab mereka maka ianya akan menggugat keamanan hidup rakyat (F/1M) sehingga mengakibatkan berlakunya pergaduhan (H1/1M) yang membawa kepada perpecahan sesama sendiri. (H2/1M) Hal yang demikian kerana setiap pemimpin bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpinnya. (H3/1M) Oleh itu kita hendaklah berusaha melaksanakan amanah yang diberikan (H4/1M) supaya dapat membawa kepada kesejahteraan dan kebaikan dalam sesebuah negara. (K/1M)</p>	F=1m H1= 1m H2= 1m H3=1m H4=1m K = 1m J = 6m										
	(c)		<p>Dua cara Rasulullah SAW mewujudkan perpaduan dengan seluruh penduduk Madinah ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatukan perhubungan antara suku kaum di Madinah (1m) yang sebelum ini sering bertelagah.(1m) • Mengadakan perjanjian dengan orang Yahudi (1m) supaya sama-sama mempertahankan Madinah dari ancaman luar. (1m) • Mendirikan sebuah masjid(1m) sebagai tempat orang Islam beribadat dan tempat Rasulullah menyampaikan ajaran Islam serta tempat pentadbiran Rasulullah.(1m) 	2 isi x 2m =4 markah										

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
4	(a)	(i)	<p>Maksud khalifah ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sistem pemerintahan Islam (1m) yang dinaungi oleh seorang pemimpin Islam yang adil dan patuh kepada syariat Allah SWT. (1m) 	2 isi x 1m =2 markah
		(ii)	<p>Dua kepentingan sifat adil dalam pemilihan seorang khalifah ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mencegah daripada berlaku penindasan (1m) yang bertentangan dengan nilai-nilai murni. (1m) • Memastikan pemerintahan berjalan lancar (1m) tanpa sebarang pergolakan. (1m) 	2 isi x 2m =4 markah
	(b)		<p>Dua tanggungjawab khalifah dalam melaksanakan urusan pentadbiran ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan hukum syariat (1m) tanpa mengira masa dan tempat. (1m) • Memelihara kedaulatan negara (1m) daripada dijajah. (1m) 	2 isi x 2m =4 markah
	(c)	(i)	<p>Dua prinsip negara Islam ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Musyawarah (al-syura) • Keadilan (al-'adalah) • Kebebasan (al-hurriyyah) • Persamaan (al-musawah) 	2 isi x 1m =2 markah
		(ii)	<p>Implikasi pengabaian tenggungjawab rakyat terhadap negara ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keselamatan negara terancam (1m) sehingga mudah dijajah oleh pihak musuh. (1m) • Berlaku kepincangan dalam negara (1m) seperti pergaduhan sesama kaum. (1m) 	1 isi x 2m =2 markah
			<p>Kepimpinan yang baik membawa kemakmuran manakala kepimpinan yang buruk akan memporak-perandakan negara dapat disandarkan kepada sikap dan akhlak pemimpin yang mentadbir sesebuah organisasi. (F/1M) Pemimpin yang mempunyai jati diri yang kuat adalah seorang berintegriti tinggi dimana (H1/1M) mereka akan mentadbir organisasi dengan penuh rasa tanggungjawab dan amanah (H2/1M). Hal ini akan dapat menjamin keamanan dan kestabilan negara (H3/1M). Sebaliknya, apabila seorang pemimpin tidak amanah cenderung melakukan pelbagai kerosakan dan kezaliman (H4/1M). Oleh itu, seorang pemimpin hendaklah menunaikan hak terhadap rakyat di bawah pimpinannya secara adil dan saksama. (K/1M)</p>	F=1m H1= 1m H2= 1m H3=1M H4=1M K = 1m J = 6m

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT